

CENDEKIAWAN


Oleh DR. SYED AGIL ALSAGOFF

DALAM era negara menjejak kemajuan dan kejayaan yang pesat ini, kita harus melihat kebangkitan golongan muda hari ini sebagai penyalur maklumat dan ejen transformasi sosial yang sangat berpengaruh.

Golongan muda bukan sahaja berperanan sebagai anggota masyarakat yang menjadi harapan bangsa, tetapi lebih jauh daripada itu, golongan ini adalah nadi penggerak gagasan negara, membantu negara menjana kesedaran pengetahuan serta memajukan rakyat dengan pendekatan yang tersendiri, kreatif dan inovatif.

Pemimpin muda dilihat sebagai pemangkin pembangunan dan kemajuan demokrasi di negara ini. Dengan erti kata lain, para pemimpin muda telah memberi nafas baharu meneroka dimensi amalan demokrasi negara menjadi lebih telus, mantap dan mencerminkan negara Malaysia sebagai negara yang sangat prihatin terhadap kemajuan rakyatnya yang berbilang kaum.

Malangnya, dapatan hasil kajian Indeks Patriotisme dan Perpaduan Negara (IPPN) yang diumumkan baru-baru ini menunjukkan tahap patriotisme belia Malaysia berada pada tahap sederhana.

Berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, terdapat peningkatan dari segi kesedaran anak-anak muda terhadap semangat cintakan tanah air, tetapi angka tersebut belum mencukupi untuk membuktikan bahawa golongan belia di negara ini telah mencapai kematangan dalam menafsir dan membuat pilihan untuk menterjemahkan hasrat dan suara mereka di peti-peti undi pada pilihan raya. Angka ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan tahap patriotisme belia di Amerika Syarikat dan Jepun.

Lebih mencabar lagi apabila kerajaan memutuskan pelaksanaan penetapan usia mengundi pada usia 18 tahun berbanding 21 tahun yang diamalkan sekarang. Kematangan belia seawal usia tersebut sangat bergantung kepada kesediaan dan keterbukaan mereka memahami sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini. Bukan setakat itu sahaja, remaja harus memiliki semangat patriotisme yang tinggi bagi memimpin mereka menjelmakan hasrat, pendirian dan ideologi terhadap pimpinan politik dan sistem pemerintahan di negara ini.

Justeru, golongan belia digesa tidak mudah melatah sehingga boleh dilihat sebagai golongan yang mudah terpengaruh dengan gerakan-

Potensi belia dalam kesukarelawan



SUKARELAWAN muda boleh menjadi ejen transformasi minda yang dapat meningkatkan kualiti hubungan sesama manusia tanpa sempadan politik, bangsa dan negara.

- Gambar hiasan

“Para pemimpin muda dan belia kini boleh menyuarakan pandangan mereka dengan bebas, bertepatan pula dengan kebangkitan teknologi media baharu pada hari ini

gerakan negatif anti-establishment. Mereka juga perlu mengelak daripada dijadikan mangsa kepada anasir-anasir politik tidak sihat yang mahu menggugat peranan serta masa depan golongan muda.

Para pemimpin muda dan belia kini boleh menyuarakan pandangan mereka dengan bebas, bertepatan pula dengan kebangkitan teknologi media baharu pada hari ini.

Bagaimanapun, dengan berbekalkan kebebasan bersuara tersebut, kita janganlah terlalu ghairah mengambil kesempatan bagi memanipulasikan maklumat untuk menjayakan agenda-agenda tertentu yang boleh merosakkan keamanan dan kesejahteraan negara.

Sebaliknya, gunakan kebebasan bersuara ini untuk menyalurkan idea yang berguna kepada masyarakat dan negara. Bagi yang mahir dalam teknologi siber dan maklumat, gunakanlah ia untuk meneroka penguasaan dan penyebaran ilmu

dengan masyarakat di negara kita.

Dalam erti kata lain, golongan muda harus meneroka dan menjelajah kemampuan mereka, mencipta idea-idea baharu, membina dan memperteguh kemahiran diri dan profesionalisme demi memajukan masyarakat dan negaranya sendiri.

Cabaran

Bagi menghadapi cabaran ini, golongan muda harus mendekati masyarakat dengan bijak dan dapat memimpin mereka mengharungi saat-saat getir, jerih pahit kehidupan serta membantu mereka memperbaiki kedudukan dan kehidupan mereka.

Menyedari kepentingan tersebut, banyak usaha telah dijalankan untuk membina platform terbaik bagi belia mendekati semangat patriotisme seperti melakukan kerja-kerja kesukarelaan dan kemasyarakatan yang boleh dimanfaatkan untuk menyuburkan semangat perpaduan kaum di negara ini.

Pendekatan ini dikatakan dapat mengimbangi peradaban teknologi dan globalisasi yang menyaksikan masyarakat diancam dilema identiti nasional.

Bagi merealisasikan hal ini, kerajaan mengambil inisiatif bagi membina dan mengembangkan elemen-elemen permodalan insan terhadap golongan belia, khususnya para pemimpin muda dari semua aspek yang mendorong mereka ke arah peningkatan semangat patriotisme, termasuklah penajaan aktiviti-aktiviti kesukanan dan

kesukarelawan.

Ini adalah untuk memastikan golongan belia dapat mengetengahkan idea-idea baharu dan kreatif untuk menggerakkan pengembangan budaya positif dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Pendekatan kerja-kerja kesukarelawan misalnya mampu melahirkan masyarakat madani yang berani bertanggungjawab ke atas nasib masa depan dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan manusia sejagat.

Sukarelawan muda boleh menjadi ejen transformasi minda atau kapital sosial yang dapat meningkatkan kualiti hubungan, komitmen, kesamarataan, kepercayaan dan keyakinan sesama manusia tanpa sempadan politik, negara dan bangsa.

Dengan tertubuhnya lebih daripada 1,000 pertubuhan sukarelawan di negara ini, agenda sukarelawan dalam kalangan belia sudah cukup membuktikan bahawa golongan muda ini boleh dibimbing secara komprehensif untuk menyemai semangat patriotisme yang tinggi.

Ini merupakan satu cabaran dan ujian yang cukup bermakna kepada belia bagi membuktikan bahawa mereka sudah bersedia untuk menggalas tenaga, membantu dan memimpin masyarakat mengecapi kemajuan dan kesejahteraan.

Diharapkan lebih ramai belia sanggup turun padang bagi menimba ilmu dan menyumbang bakti kepada masyarakat kita. Para pemimpin belia pula disarankan dapat membina hubungan perkongsian pintar menerusi penglibatan dalam pertubuhan-pertubuhan sosial yang terdapat di dalam atau luar negara menerusi pemupukan semangat kerja-kerja sukarelawan yang produktif, progresif, berterusan dan cemerlang.

Penyatuan pintar yang dimaksudkan ini termasuk dari segi semangat perpaduan, kombinasi pemikiran dinamik dan hasil tenaga atau usaha yang bersepadu dalam kalangan belia dan masyarakat di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

DR. SYED AGIL ALSAGOFF ialah pensyarah kanan di Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.